

07 AUG 2001

Sarawak-Abu Bakar

KUMPULAN ABANG ABU BAKAR LETAK 45 CALON DALAM P'RAYA SARAWAK

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Bekas Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha berkata satu kumpulan yang diketuainya akan bertanding dalam 45 kawasan Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya Sarawak yang dijangka diadakan bulan depan.

Beliau berkata kumpulan itu yang akan bertanding sebagai calon bebas, merupakan salah satu langkah untuk meneruskan rancangan membawa Umno ke Sarawak walaupun usaha ke arah itu telah gagal setakat ini.

"Sekiranya rangkaian calon bebas kami menang nanti, tentunya kita akan menerajui kerajaan negeri Sarawak. Ketika itu, sekiranya Umno telah bersedia untuk mengembangkan sayapnya ke Sarawak, kami dan ratusan ribu penyokong Umno di Sarawak akan menerimanya dengan tangan terbuka," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Dalam kenyataan setebal sembilan muka itu, Abang Abu Bakar, yang juga bekas Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), komponen utama dalam kerajaan Barisan Nasional (BN) di Sarawak, menghuraikan langkah-langkah yang telah diambil oleh beliau sejak 1983 lagi supaya Umno mengembangkan sayapnya ke negeri itu.

Abang Abu Bakar yang keluar daripada PBB pada Januari tahun lepas, berkata setakat ini rakyat Sarawak langsung tidak mempunyai peluang untuk membuat pungutan suara bagi menunjukkan pendirian mereka mengenai isu kemasukan Umno ke negeri itu.

Menurutnya, hasrat untuk mengadakan perhimpunan seramai 60,000 anggota Penaja Umno Sarawak di Padang Merdeka di Kuching pada 27 Feb tahun lepas tidak kesampaian kerana gagal mendapat kelulusan pihak polis dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

"Saya yakin dalam pilihan raya yang akan datang ini, isu kemasukan Umno adalah menjadi agenda besar yang tersembunyi di mata dan hati pengundi-pengundi Sarawak," kata Abang Abu Bakar, sambil menambah penglibatannya dalam pilihan raya kali ini bukan agenda peribadi terhadap Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Abang Abu Bakar berkata beliau terlibat dalam pembentangan usul kemasukan Umno pada Perhimpunan Agung PBB pada 1983 dan 1986 yang diterima sebulat suara oleh para anggota perwakilan, tetapi sehingga hari ini tidak dilaksanakan.

"Sebenarnya apabila saya tidak dicalonkan dalam pilihan raya Parlimen pada November 1999, saya sudah memikirkan untuk bersara dari arena politik. Tetapi apabila saya balik ke Kuching pada awal tahun 2000, ramai rombongan dari seluruh negeri Sarawak mendesak supaya membantu gerakan yang berhasrat untuk membawa Umno ke Sarawak.

"Oleh kerana saya terlibat dalam pembentangan usul-usul kemasukan Umno pada Perhimpunan Agung PBB pada 1983 dan 1986, maka kumpulan ini merayu kepada saya supaya meneruskan usaha ini di luar PBB," katanya.

Tempoh kerajaan negeri sekarang akan tamat pada November tahun ini dan menurut spekulasi, Dewan Undangan Negeri Sarawak yang mempunyai 62 kerusi dijangka dibubarkan bulan depan bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan.

Mengenai status calon-calon kumpulan beliau yang akan bertanding pada pilihan raya itu, Abang Abu Bakar menegaskan bahawa mereka bukan calon pembangkang.

"Kalau kami pembangkang, sudah pasti kami tidak berusaha untuk membawa Umno ke Sarawak. Kami ingin memperjuangkan hak-hak rakyat dan

menyatupadukan kaum-kaum Bumiputera, bukan Bumiputera dan kaum-kaum minoriti dengan menukarkan pemimpin-pemimpin yang gagal menjalankan tugas dan amanah yang telah diberikan oleh rakyat Sarawak," kata beliau.

Mengenai Umno, Abang Abu Bakar berkata Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan ketika merasmikan Perhimpunan Agung PBB pada 1998 bahawa memang hasrat parti itu untuk mengembangkan sayapnya ke Sarawak.

Menurut Abang Abu Bakar, Dr Mahathir memberitahu perhimpunan itu bahawa terpulanglah kepada rakyat Sarawak sendiri untuk mencari pendekatan dan pilihan terbaik tentang bagaimana Umno boleh bertapak di negeri itu.

Beliau berkata kumpulannya yang lebih dikenali sebagai "Parti Bebas" atau "Kumpulan Bebas Abang Abu", telah membuat persiapan yang cukup untuk menghadapi pilihan raya sejak penghujung tahun lepas.

"Semakin lama pilihan raya tertangguh bermakna semakin mantap persiapan jentera kami di peringkat akar umbi," katanya.

Abang Abu Bakar berkata kumpulannya akan memperjuangkan hak-hak rakyat yang "kini semakin terhakis oleh dasar kerajaan negeri".

"Dasar tanah adat Bumiputera adalah isu utama kami. Keputusan kerajaan negeri menghapuskan hak tanah adat menerusi beberapa pindaan undang-undang tanah telah merugikan rakyat Bumiputera Sarawak. Malah kuasa mengambil tanah juga turut merugikan golongan bukan Bumiputera di dalam bandar dan kawasan-kawasan persekitarannya".

"Sebenarnya isu tanah ini merupakan isu terbesar dalam pilihan raya kali ini," kata Abang Abu Bakar yang mendakwa ramai rakyat di negeri itu mempunyai "pengalaman pahit" kerana tanah mereka sendiri, atau milik keluarga ataupun rakan rapat mereka telah diambil dengan cara dan pampasan yang tidak adil sama sekali.

Beliau juga menyebut penswastaan projek-projejk Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Tanah dan Ukur di negeri itu yang telah banyak "membazirkan wang rakyat" yang akan dikaji semula jika kumpulan beliau memnangi pilihan raya itu.

"Rancangan untuk memindahkan jabatan-jabatan kerajaan untuk menyewa bangunan dan ruang pejabat milik pihak swasta yang tertentu, manakala tapak asal jabatan-jabatan berkenaan diberi kepada pemaaju-pemaaju hartanah yang berkepentingan, juga akan dikaji semula," katanya.

-- BERNAMA

AU JH NMO